



TERMA DAN SYARAT

KUIZ IBRAH AIDILADHA BERSAMA AGROBANK MUSIM KE-2

A. Maklumat Peraduan

1. Peraduan kuiz bagi Ibrah Aidiladha Bersama Agrobank Musim Ke-2 ini adalah inisiatif Jabatan Komunikasi Korporat, Agrobank dengan kerjasama Jabatan Syariah, Agrobank.
2. Peraduan ini dianjurkan secara dalam talian melalui laman web Agrobank. Penonton yang berminat untuk menjawab soalan kuiz boleh mengemukakan jawapan di e-borang yang disediakan di laman web Agrobank.
3. Kuiz Ibrah Aidiladha Bersama Agrobank Musim Ke-2 ini hanya mempunyai **satu (1) episod sahaja dan sebanyak tiga (3) soalan kuiz disediakan.**
4. Agrobank akan memilih sepuluh (10) orang pemenang sahaja yang menghantar **penyertaan awal dan mengemukakan jawapan yang betul.**

B. Tarikh Dan Tempoh Peraduan

1. Peraduan ini akan bermula pada **08 Julai 2022 sehingga 15 Julai 2022.**
2. Agrobank berhak menukar atau meminda tarikh dan tempoh peraduan (sekiranya perlu), sila rujuk F No. 6.

C. Terma Dan Syarat Peraduan

1. Peraduan ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia termasuk staf Agrobank* yang menonton video Ibrah Aidiladha Bersama Agrobank Musim Ke-2 yang **berumur 18 tahun dan ke atas.**

*Hanya staf Jabatan Komunikasi Korporat, Agrobank dan Jabatan Syariah, Agrobank serta keluarga TIDAK LAYAK menyertai kuiz ini.

2. Setiap peserta hanya dibenarkan untuk menghantar **satu (1) penyertaan sahaja.** Penyertaan terawal dengan jawapan yang betul sahaja akan dipilih sebagai pemenang.

D. Hadiah

1. Tawaran hadiah adalah seperti berikut:

RM100.00 X 10 pemenang = RM1,000.00
Jumlah keseluruhan = RM1,000.00
2. **Hadiah ini akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan Agrobank sahaja.** Bagi pemenang yang masih belum memiliki Akaun Simpanan Agrobank, pemenang perlu hadir ke mana-mana cawangan Agrobank yang berhampiran bagi membuka Akaun Simpanan Agrobank.
3. Pengkreditan hadiah pemenang hanya akan dilaksanakan apabila pemenang memaklumkan kepada pihak penganjur **nama, nombor kad pengenalan, nombor akaun Agrobank dan cawangan semasa membuka akaun** melalui e-mel ke scd@agrobank.com.my. Tempoh pengkreditan adalah dalam masa 14 hari bekerja.
4. Agrobank akan menghubungi pemenang dalam tempoh 14 hari bekerja selepas tarikh tutup kuiz.
5. Agrobank boleh menggantikan hadiah sedia ada dengan hadiah lain yang setimpal (sekiranya perlu).
6. Wakil tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan hadiah bagi pihak pemenang dan hadiah tidak boleh dipindahkan kepada pihak ketiga.

E. Pemilihan Pemenang

1. Penentuan pemenang adalah ditetapkan oleh Agrobank berdasarkan penyertaan terawal dan jawapan yang betul.
2. Pemenang akan dihubungi melalui e-mel atau panggilan telefon. Senarai pemenang akan dipaparkan di laman media sosial rasmi Agrobank (Facebook dan Instagram) dan laman web Agrobank.
3. Agrobank **TIDAK** akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi selepas 3 kali percubaan atau gagal menghubungi kembali Agrobank bagi urusan tuntutan hadiah.
4. Agrobank boleh memilih pemenang yang layak dari senarai menunggu atau simpanan sekiranya pemenang yang telah dipilih tidak dapat dihubungi dalam masa 14 hari bekerja selepas pengumuman dilaman web dan sosial media Agrobank, enggan menerima hadiah dan lain-lain alasan munasabah yang membolehkan Agrobank untuk memilih pemenang lain daripada senarai menunggu atau simpanan.

5. Semua keputusan pemenang adalah muktamad. Sebarang pertikaian, rayuan dan bantahan berhubung keputusan tersebut tidak akan dilayan atau dipertimbangkan.

F. Lain-Lain

1. Dengan menyertai peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menepati terma dan syarat yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh pihak Agrobank yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.
2. Agrobank boleh mencetak atau menyiarkan nama peserta untuk tujuan promosi dalam akhbar, majalah, laman web Agrobank, atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
3. Agrobank berhak menolak dan/atau membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang didapati melanggar syarat-syarat yang dinyatakan di sini, penyertaan yang tidak lengkap dan/atau penyertaan yang tiba lewat dari tarikh dan masa yang telah dinyatakan.
4. Agrobank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, kerosakan pada makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau medium komunikasi yang bersesuaian.
5. Jumlah wang dimenangi akan dikredit ke akaun Agrobank pemenang. Sekiranya pemenang bukan pemegang akaun Agrobank, pemenang perlu membuka akaun di mana-mana cawangan Agrobank yang berdekatan.
6. Agrobank berhak untuk meminda, mengubah dan/atau memansuhkan terma dan syarat ini atau melanjutkan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan peraduan ini, pada bila-bila masa, atas budi bicara penuh dan mutlaknyanya. Apa-apa perubahan pada pertandingan ini boleh dimaklumkan kepada peserta melalui kaedah yang dianggap sesuai oleh Agrobank, tidak terhad kepada pemberitahuan di laman web Agrobank (www.agrobank.com.my) atau platform media sosial Agrobank.
7. Dengan menyertai pertandingan ini, peserta dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Agrobank, termasuklah untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan atau memproses nama, nombor pengenalan diri/pasport dan imej atau lain-lain butiran ("Data Peribadi") (jika perlu), bagi menjayakan pertandingan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada untuk mengumumkan dan memaparkan Data Peribadi peserta di laman web Agrobank bagi tujuan pemasaran atau publisiti (sekiranya berkaitan). Peserta tidak berhak menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk gantirugi ke atas butiran tersebut. Peserta juga bersetuju untuk terikat dengan notis PDPA Agrobank yang dipaparkan di laman web

Agrobank (www.agrobank.com.my). Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi berhubung pertandingan ini hendaklah ditadbir berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan undang-undang Malaysia yang berkaitan.

Nota: Peserta/pemenang adalah dinasihati untuk mengambil langkah berjaga-jaga apabila menerima sebarang permintaan bagi Data Peribadi dan boleh menghubungi Agrobank bagi tujuan verifikasi berkenaan pertandingan ini.

8. Peraduan serta terma dan syarat ini hendaklah tertakluk dan ditafsirkan oleh undang-undang Malaysia serta di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.
9. Sebarang pertanyaan dan soalan boleh dikemukakan terus ke e-mel scd@agrobank.com.my, laman web Agrobank www.agrobank.com.my atau boleh hubungi Pusat Panggilan Agrobank di 1-300-88-2476.

<Tamat>

Disediakan oleh : Jabatan Komunikasi Korporat Agrobank